

# **KONSEP KENDIRI (Part 4)**

Azizi Hj Yahaya

## **Ciri-ciri Remaja Positif**

Ciri-ciri remaja yang mempunyai konsep kendiri tinggi atau positif :

1. Dapat menilai diri mereka dengan positif dan percaya bahawa mereka lebih cekap atau berkebolehan.
2. Bertindak dengan positif.
3. Memikul tanggungjawab.
4. Menahan perasaan kekecewaan dengan baik.
5. Rasa dapat mempengaruhi persekitaran.
6. Berasa bangga dengan perlakuan sendiri.
7. Pencapaian gred yang tinggi.
8. Lebih bersedia menerima risiko.
9. Menerima diri dengan lebih positif.
10. Menghargai diri sendiri serta menyedari kekuatan & kelemahan diri.

Ciri-ciri remaja yang mempunyai konsep kendiri yang rendah dan negatif:

1. Mereka cenderung untuk merasa bersalah.
2. Takut kepada kegagalan.
3. Sering merasa bimbang dan cepat berkecil hati.
4. Pencapaian akademik yang rendah.
5. Tidak gemar kerja yang mencabar.
6. Kurang keyakinan dan kebolehan untuk membuat tugas yang lebih mencabar.
7. Kurang berminat untuk mendapatkan maklum balas.
8. Melihat diri sebagai orang yang kurang menarik dari segi personaliti.

Ciri-ciri remaja yang mempunyai konsep kendiri rendah:

1. Mudah rasa kecewa.
2. Sering menyalahkan orang lain kerana kesalahan diri.
3. Mengelak situasi yang sukar.
4. Terdapat kaitan antara gangguan dalam pemakanan dengan konsep kendiri yang rendah.
5. Mudah mengikut orang lain.

CONTINUE...